

Perkahwinan Adat Rembau, Negeri Sembilan, dalam Penulisan C.W.C Parr dan W.H. Mackray

Mat Noor Mat Zain
Che Maryam Ahmad
Zuliza Mohd. Kusrin

ABSTRAK

Daerah Rembau di Negeri Sembilan mengamalkan Adat Pepatih dalam perkahwinan. Walau bagaimanapun, sesetengah amalan dalam Adat Pepatih dianggap bertentangan dengan hukum syarak. Kertas kerja ini membincangkan beberapa amalan dalam Adat Pepatih di Daerah Rembau, Negeri Sembilan seperti mana yang diulas oleh C.W.C. Parr dan W.H. Mackray dalam penulisannya bertajuk *Marriage in Negeri Sembilan: A Note on the Conflict between the Rule of Custom and Those of Islam*. Terdapat lima perkara yang diulas dalam penulisan tersebut sebagai amalan Adat Pepatih yang memerlukan penjelasan hukum syarak, iaitu berkenaan perwalian, perempuan-perempuan yang haram dipinang, mas kahwin, pemilikan harta dalam perkahwinan dan poligami. Perbincangan juga menyatakan pendapat Parr dan Mackray dalam amalan perkara-perkara tersebut dalam Adat Pepatih menurut perspektif Islam. Perbincangan mendapati bahawa pendapat Parr dan Mackray lebih menekankan aspek Adat, manakala perbincangan tentang hukum syarak terlalu sedikit dan ringkas serta sebahagiannya tidak bertepatan dengan hukum syarak. Hal ini tidak menghairankan kerana mereka bukannya pakar dalam syariat Islam.

Kata kunci: Adat Pepatih, perkahwinan, Hukum Syarak, Islam, amalan.

ABSTRACT

The district of Rembau, Negeri Sembilan, practices Adat Pepatih in marriage. However, some of the practices of the Adat Pepatih are considered as contradict to Islamic Law. This paper discusses several practices of Adat Pepatih in the District of Rembau, Negeri Sembilan, as been reviewed by C.W.C. Parr and Mackray in their writing entitle *Marriage in Negeri Sembilan: A Note on the Conflict between the Rule of Custom and Those of Islam*. There are five subjects reviewed by them that need further explanation as far as Islamic Law is concerned: the guardianship of marriage, list of prohibited women to be married, dowry, possession of property in marriage and polygamy. The discussion elaborated on the practices of those matters in the Adat Pepatih and opinion of C.W.C. Parr

and Mackray of the practices of the Adat Pepatih according to Islamic Law. This study found that Parr and Mackray gave more emphasis on the aspects of the Adat. Their discussions on Islamic Law were in brief and some of them were not in accordance to Shariah Law. It is undeniable fact due to their not expertise in the field of Shariah Law.

Keywords: Adat Pepatih, marriage, Islamic Law, Islam, practices.

Pendahuluan

Pada masa dahulu masyarakat di Rembau yang dikatakan berasal daripada Minangkabau, Indonesia, mengamalkan Adat Perpatih dalam semua aspek kehidupan. Namun kini amalan mereka terbatas kepada adat istiadat perkahwinan, perwarisan dan pelantikan pemimpin sahaja.

Masyarakat Adat Perpatih terdiri daripada tiga kumpulan utama, iaitu perut, suku dan luak. Perut adalah unit sosiopolitik yang terkecil. Anggota sesuatu perut adalah berasal daripada moyang (keturunan perempuan) yang sama dan pada kebiasaannya tinggal di suatu perkampungan atau kawasan yang sama. Suku pula terdiri daripada beberapa perut yang membentuk keluarga yang besar. Suku diketuai oleh seorang ketua yang di Gelar Dato' Lembaga. Manakala luak (disebut juga sebagai luhak) pula adalah unit kawasan pentadbiran dari segi adat. Setiap luak diketuai oleh Dato' Penghulu, seperti dikata Adat bahawa "luak berpenghulu". Dato' Penghulu biasanya memakai gelaran Undang. Kedudukan Undang dalam luaknya tidak ubah seperti "Raja" di negeri-negeri lain.

Komposisi Negeri Sembilan berubah-berubah mengikut detik sejarah. Pelbagai pendapat diutarakan dalam menyenaraikan luak yang terdapat di Negeri itu. Newbold berpendapat luak-luak asli Negeri Sembilan terdiri daripada Segamat, Johol, Naning, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Kelang, Ulu Pahang dan Jelai. M. Lister mengeluarkan Ulu Pahang dan menggantikannya dengan Pasir Besar. R.J. Wilkinson menarik keluar Johol dan memasukkan Inas sebagai ganti. Winstedt dan Nathan akhirnya menyenaraikan luak-luak tersebut sebagai Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Naning, Kelang, Segamat, Pasir Besar (sekarang Johol), Jelai (sekarang Inas) dan Ulu Pahang (kawasan antara Ulu Serting dengan Temerloh).

Semua penulis ini betul-betul percaya bahawa terdapat sembilan luak di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, menurut Jossein de Dong, angka sembilan cuma merupakan angka ideal. Negeri Sembilan tidak pernah wujud sebagai sembilan luak. Pada 1889, apabila Rembau, Johol

dan Seri Menanti bersatu, namanya tetap Negeri Sembilan walaupun hanya ada tiga luak. Pada 1898 pula ada 13 luak dan pada 1934 pula ada 12 luak.

Memandangkan Daerah Rembau ialah antara daerah yang mengamalkan Adat Perpatih, Parr dan Mackray hanya memberi tumpuan kepada daerah tersebut dalam penulisannya. Perbincangan ini akan mengulas artikel yang dipetik daripada penulisan tentang adat di Rembau, Negeri Sembilan yang dimuatkan dalam buku *Reading in Malay Adat Laws*, suntingan M.B. Hooker. Artikel yang bertajuk *Marriage in Negeri Sembilan* ini membincangkan secara ringkas tentang mas kahwin, perwalian, perempuan yang dilarang dikanak-kanak (perkahwinan sesama suku, perkahwinan dengan sepupu, perkahwinan silang pupu) dan pemilikan harta menurut Adat Perpatih yang diamalkan di Rembau dengan membandingkannya dengan hukum syarak.

Adat Temenggung dan Adat Perpatih

Masyarakat di Tanah Melayu semenjak awal lagi telah mempunyai undang-undang mereka tersendiri. Antara undang-undang tersebut, ada yang dipanggil hukum adat. Hukum adat merupakan peraturan dan undang-undang yang diamalkan secara turun-temurun. Sesiapa yang melanggarinya boleh dihukum. Hukum adat ini dilaksanakan bagi menjamin hak anggota masyarakat dan memastikan masyarakat hidup dalam keadaan aman dan selesa. Di Tanah Melayu terdapat dua hukum adat yang diamalkan iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih.

Pembahagian Adat Temenggung dan Adat Perpatih dalam masyarakat Melayu telah dibuat sejak zaman kolonial lagi bagi membezakan secara mudah antara undang-undang adat Melayu dengan undang-undang dari Minangkabau. Semua undang-undang yang berasal dari Minangkabau telah digolongkan sebagai Adat Perpatih, sementara semua undang-undang adat Melayu lain sebagai Adat Temenggung. Pembahagian ini mungkin berpunca daripada wujudnya beberapa persamaan antara adat Melayu dengan adat yang diasaskan Dato' Ketemenggungan di Minangkabau. Undang-undang adat Melayu berasal usul daripada masyarakat yang telah zaman-berzaman mendiami Tanah Melayu atau Alam Melayu. Penulisan naskhah *Undang-Undang Melaka* atau *Undang-Undang Laut Melaka*, contoh dua buah undang-undang adat Melayu yang terawal, tidak ada kaitan atau pengaruh daripada adat Dato' Ketemenggungan dari Minangkabau.

Adat Perpatih

Adat ini berasal dari tanah Minangkabau, Sumatera, diasaskan oleh seorang pemimpin Minang bernama Sutan Balun yang bergelar Dato' Perpatih Nan Sebatang. Adat ini adalah amalan dan peraturan hidup yang ditentukan bagi masyarakat Minangkabau yang rata-ratanya adalah petani ketika itu. Tidak ada tarikh yang tepat dicatatkan bilakah adat ini diwujudkan. Pada umumnya Adat Perpatih telah dibawa ke Semenanjung Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) oleh perantau-perantau Minangkabau pada abad ke 14 Masih.

Secara praktisnya orang Minang yang berhijrah ke daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan berasal daripada daerah pergunungan Sumatera Barat bahagian Barat Indonesia. Suku bangsa Minangkabau di daerah Sumatera Barat Indonesia mengamalkan sistem kekerabatan nisab ibu yang berprinsipkan *adat basandi syarak, syarak basandi kitabullah*.

Pencipta Adat Perpatih, Dato' Perpatih Nan Sebatang dan rakan-rakan seperjuangannya telah berjaya membentuk, menyusun dan mengatur hidup dalam masyarakat di Minangkabau dalam segala segi termasuklah bidang ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan kepercayaan. Adat Perpatih ini telah dibawa ke kampung, mukim, daerah dan negeri kita Negeri Sembilan oleh orang Minangkabau yang merantau untuk mencari rezeki dan menambah harta lebih awal daripada kurun ke-13. Dengan ini, Adat Perpatih adalah hukum yang telah tercipta dan terpakai dalam sistem sosial, sistem politik dan sistem ekonomi masyarakat lebih 700 tahun dulu di samping menjadi undang-undang dalam pentadbiran negeri, luak dan kampung seperti yang diperkuatkan dalam perbilangan:

Biar mati anak, jangan mati adat
 Tak lekang dek paneh, tak lapuk dek hujan
 Dianjak layu, dicabut mati
 Gemuk berpupuk segar bersiram
 Berjenjang naik, bertangga turun
 Patah tumbuh hilang berganti
 Pesaka bergilir,soko berwaris
 Adat bersendi hukum, hukum bersendi kitabullah
 Syarak mengata, adat mengikut
 Adat dan syarak sandar menyandar

Selain daripada mengandungi falsafah hidup, Adat Perpatih juga menyediakan garis panduan adat, prinsip, panduan dan pengajaran hidup yang kesemuanya didapati secara tersurat dan tersirat dalam perbilangan

kata, gurindam, pantun, seloka dan perumpamaan. Falsafah dan adat yang terdapat dalam Adat Perpatih merupakan salah satu cara penyampaian nasihat dan tunjuk ajar untuk menggalakkan hidup beradat, bertertib, bantu-membantu, saling faham memahami, sayang menyayangi, berbudi bahasa, sopan-santun, hormat menghormati di samping memberi ruang untuk memperbaiki diri sendiri dari aspek penambahan ilmu, peningkatan kemahiran, mempelbagaikan dan memperbanyakkan pengalaman.

Sistem Adat Perpatih dikenali dengan perbilangan: “Berjenjang naik, bertangga turun” yang bererti bertingkat naik dari rakyat kepada raja melalui saluran tertentu dan bertangga turun dari raja kepada rakyat juga mengikuti laluan dari atas ke bawah dan tidaklah saluran lompat-melompat. Dengan itu maka ternyata lah kesesuaian Adat Perpatih untuk memajukan dan memakmurkan masyarakat serta mencapai keadilan dan keamanan.

“Hidup dikandungkan adat, mati dikandungkan tanah”. Pepatah ini tepat. Hidup jika tiada adat merupakan hidup seperti haiwan. Aspek yang diberi fokus dan penekanan dalam mengamalkan Adat Perpatih ialah adat yang sebenar adat. Adat Perpatih merangkumi empat bidang, iaitu:

- (i) Adat yang sebenar adat
- (ii) Adat yang teradat
- (iii) Adat yang diadatkan
- (iv) Adat istiadat

Adat yang sebenar adat bermaksud undang-undang. Oleh sebab adat itu dicipta sejak berzaman dahulu oleh pencipta yang ketika itu tidak tahu membaca dan menulis maka peraturan atau undang-undang tersebut diperturunkan secara lisan. Dengan itu seseorang yang bakal dilantik menjadi ketua adat sama ada buapak, lembaga atau penghulu adalah wajib memahami undang-undang yang terkandung dalam Adat Perpatih.

Dari segi politik Adat Perpatih bersifat demokrasi, iaitu pelantikan pemerintah dibuat dari bawah, iaitu anak buah memilih buapak, buapak memilih lembaga, lembaga memilih Undang dan Undang akan melantik Yamtuan Besar (Raja). Hal ini bermakna Yamtuan Besar tidak mempunyai hak dalam soal pelantikan pembesar kerana pelantikan itu dibuat oleh para pembesar yang berada di hierarki yang lebih ke bawah. Selain itu keputusan yang dibuat oleh Yamtuan Besar juga adalah berdasarkan keputusan bersama dengan Undang.

Dalam soal kekeluargaan dan perkahwinan, Adat Perpatih mengamalkan hidup secara bersuku-suku, iaitu hidup secara berkeluarga dengan ahli-ahlinya terdiri daripada satu ikatan sedarah sedaging. Setiap suku mempunyai nama tersendiri seperti Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka, Tiga Batu. Sementara dalam masalah perkahwinan Adat Perpatih mengamalkan eksogami iaitu tidak membenarkan perkahwinan sesama suku. Selepas berkahwin, si suami akan meninggalkan keluarganya kerana si isteri akan membawanya tinggal di rumah pusaka (rumah gadang) atau rumah sendiri yang dibina berhampiran rumah pusaka ibu si isteri. Jika berlaku penceraian atau si isteri meninggal dunia, maka si suami akan kembali semula kepada sukunya yang asal manakala anak-anak mereka bukan menjadi hak keluarga asas pasangan suami isteri tersebut tetapi hak rumpun ibunya.

Adat Perpatih juga bersifat *matriarchal/matrilineal*, iaitu mengutamakan kedudukan wanita. Wanita dianggap sebagai pengasas suku. Harta pusaka turun-temurun adalah kepunyaan suku. Pewarisan harta diberatkan di sebelah ibu dan anak perempuan menjadi asas wujudnya suku dan ini menjadikan wanita kaya dan berkuasa. Si suami tidak berhak ke atas harta pusaka.

Dari segi undang-undang jenayah, hukuman dalam Adat Perpatih bersifat pemulihan, berperikemanusiaan dan bertimbang rasa. Orang yang membuat kesalahan akan didenda berdasarkan kesalahannya dan mangsa diberi ganti rugi. Contohnya jika seseorang dari suku itu dicederakan, dia akan diberi ganti rugi dalam bentuk ayam atau kambing sebagai ganti darah yang mengalir, besar atau kecil binatang itu bergantung kepada besar atau kecil luka yang dialami. Bagi kes kecurian hukumannya ialah memulangkan semula barang yang dicuri atau dibayar ganti rugi. Bagi kesalahan membunuh, si pembunuh mesti menanggung hidup keluarga si mati. Hukuman bunuh hanya boleh dikenakan ke atas kesalahan serius seperti menderhaka. Adat Perpatih berpegang kepada konsep orang yang melakukan jenayah boleh mengubah perangai mereka. Pelaksana undang-undang biasanya dijalankan oleh Buapak atau Lembaga kecuali hukuman bunuh yang hanya boleh dijatuhi oleh Yamtuan Besar.

Ulasan Parr dan Mackray Mengenai Perkahwinan di Rembau

Parr dan Mackray adalah dua orang pegawai Inggeris yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Mereka telah mengenal pasti beberapa

amalan Adat Pepatih dalam hal ehwal perkahwinan yang bertentangan dengan hukum syarak. Antara perkara-perkara tersebut adalah perwalian, perempuan-perempuan yang haram dipinang, mas kahwin, pemilikan harta dalam perkahwinan dan poligami.

Perwalian

Menurut Parr dan Mackray, perkahwinan dalam Islam adalah suatu akad yang berlaku antara pihak lelaki (bakal suami) dengan wali bagi pihak perempuan dengan perakuan dua orang saksi yang berkelayakan. Mereka mendakwa wali nasab dalam Islam terbatas kepada bapa dan datuk sahaja. Menurut mereka lagi sungguhpun Rembau merupakan luak yang mengamalkan hukum syarak berasaskan mazhab ahli *Sunnah wal-Jamaah*, namun mereka mendakwa bahawa konsep perwalian nikah yang diamalkan oleh Adat Pepatih adalah bertentangan dengan hukum syarak. Amalan perwalian di Semenanjung Tanah Melayu, sebagaimana yang disyariatkan dalam Islam ialah perwalian tidak terbatas kepada bapa dan datuk sahaja. Adik beradik lelaki dan bapa saudara (sebelah bapa) juga termasuk dalam senarai wali.

Namun, dalam praktis yang berlaku di Rembau, bapa saudara kebiasaannya dinafikan hak menjadi wali. Peraturan Adat Perpatih di Rembau menetapkan bahawa seseorang lelaki tidak boleh berkahwin dengan perempuan dari suku yang sama. Perkahwinan di Rembau adalah berbentuk perkahwinan eksogami (berlainan suku). Apabila dua beradik lelaki mengahwini dua orang perempuan dari suku yang berbeza, sebagai contoh si abang berkahwin dengan anak perempuan Suku Mungkar, manakala si adik mengahwini anak perempuan Suku Tanah Datar. Maka si abang tidak boleh mewalikan anak perempuan si adik, begitu juga sebaliknya si adik tidak boleh mewalikan anak perempuan si abang. Hal ini kerana apabila seseorang lelaki berkahwin dengan seseorang perempuan daripada mana-mana suku, beliau bertanggungjawab melindungi suku tersebut. Hubungannya dengan suku sendiri terputus selama mana perkahwinannya masih berterusan. Kedudukan ini dengan sendirinya menafikan hak bapa saudara mewalikan anak saudaranya.

Hakikatnya dalam Islam, wali terdiri daripada waris lelaki sebelah bapa iaitu bapa, datuk, adik-beradik lelaki seibu sebapa atau sebapa, anak lelaki kepada adik-beradik lelaki seibu sebapa atau sebapa (anak saudara) adik-beradik lelaki bapa seibu sebapa dengan bapa atau yang sebapa (bapa saudara), dan anak bapa saudara seibu sebapa atau sebapa (sepupu). Perwalian adalah menurut urutan, maksudnya seseorang

perempuan hendak berkahwin maka bapanya akan mewalikannya. Apabila bapa meninggal atau hilang kelayakan menjadi wali, datuk akan menggantikan tempatnya. Begitulah juga seterusnya. Apabila semua wali-wali yang disenaraikan tiada, perwalian akan berpindah kepada wali hakim sebagaimana yang diterangkan dalam sabda Rasulullah SAW:

السلطان ولي من لا ولی له

Maksudnya:

“...Sultan (wali hakim) adalah wali bagi mereka yang tiada wali.”

Tegasnya perwalian tidak terhad kepada bapa dan datuk sahaja seperti dakwaan yang dibuat oleh Parr dan Mackray. Bapa dan datuk dalam Islam digolongkan sebagai wali *mujbir* iaitu wali yang mempunyai kuasa eksklusif untuk memaksakan perkahwinan kepada anak perempuannya yang masih gadis apabila memenuhi syarat-syarat paksaan. Selain daripada bapa dan datuk, mereka dikenali sebagai wali *ghayr mujbir*. Wali termasuk bapa saudara (adik-beradik lelaki bapa sama ada seibu sebaa dengan bapa atau sebaa) akan hilang kelayakan apabila tidak dapat memenuhi salah satu syarat perwalian, iaitu

1. Beragama Islam.
2. Lelaki sejati.
3. Akil baligh (cukup umur dewasa menurut Islam).
4. Berakal waras (tidak gila, berterusan atau sekejap-sekejap).
5. Tidak cacat penglihatan (buta atau rabun yang teruk).
6. Adil dengan maksud tidak fasiq (tidak pernah melakukan dosa besar dan tidak sering mengulangi dosa kecil serta tidak melakukan perkara yang menjelaskan maruah seperti berjalan tidak memakai kasut).
7. Bukan dari golongan yang tidak boleh mentadbir harta (safih).
8. Tidak berada dalam keadaan iham haji atau umrah.

Apabila semua syarat-syarat tersebut dipenuhi, maka tidak ada sebab seseorang wali dinafikan haknya untuk mengahwinkan perempuan-perempuan yang di bawah perwaliannya. Menafikan hak adik-beradik lelaki bapa yang seibu sebaa atau sebaa seperti yang diamalkan oleh masyarakat Rembau kerana alasan berlainan kepentingan disebabkan perbezaan suku antara pihak perempuan dengan bapa saudaranya jelas menyalahi syariat Islam.

Perempuan yang Haram dikahwini

Masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih secara umumnya terbahagi kepada 12 suku, iaitu Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh

(Pekumbuh), Mungkal, Tiga Nenek, Sri Melenggang, Sri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar (Tedatar), Anak Melaka, Anak Aceh dan Tiga Batu. Perkahwinan yang diamalkan dalam Adat Perpatih ialah perkahwinan eksogami iaitu perkahwinan antara seseorang lelaki dengan mana-mana perempuan daripada suku yang lain daripada sukunya.

Hubungan sesama anggota suku begitu erat sehingga seseorang lelaki menganggap perempuan-perempuan dari suku yang sama dengannya sebagai ibu, mak cik, kakak, adik atau anak perempuannya sendiri. Oleh itu, perkahwinan sesama anggota suku (endogami) adalah dilarang kerana ia ibarat perkahwinan antara dua beradik. Menurut kepercayaan, perkahwinan sesuku akan melahirkan keturunan yang cacat iaitu tidak cukup sifat, bodoh dan sebagainya. Orang yang berkahwin sesuku akan dipulaukan oleh keluarganya dari semua upacara yang memerlukan mereka. Biasanya yang perempuan tidak diberikan tanah pusaka. Dia dan suaminya tidak dibenarkan memijak tanah pusaka perutnya. Kenduri-kendara tidak diundang, mereka tidak ada status, tidak ada kedudukan, ibarat orang terbuang dalam masyarakat Adat Perpatih:

Laksana buah keluluk,
Tercampak ke laut tidak dimakan ikan,
Tercampak ke darat tidak dimakan ayam.

Perkahwinan sesama suku boleh dipecahkan kepada dua, iaitu:

1. Sumbang sewaris, iaitu perkahwinan antara sesama anggota suku tetapi berlainan perut. Perkahwinan sebegini amat dilarang. Perbilangan adat berbunyi:

Kok ke darat sial balui,
Kok laut tumpah karam,
Kok beranak tak cukup sifatnya,
Ditimpak dek bisa batu kawi.

2. Kesalahan melakukan perkahwinan sumbang sewaris akan dikenakan hukuman segala harta dirampas. Undang juga boleh menjatuhkan hukuman denda lima puluh gantang beras, kerbau seekor dan wang sebanyak RM14.0 Sumbang sekadim, iaitu perkahwinan dengan perempuan dari perut yang sama. Dikenali juga sebagai ‘sumbang balai melintang. ‘Perkahwinan sumbang sekadim merupakan kesalahan yang paling besar dalam Adat Perpatih dan akan dikenakan hukuman yang berat iaitu segala

harta benda dirampas. Malah di sesetengah tempat dikenakan hukuman bunuh. Perbilangan adat berikut menggambarkan keadaan mereka yang melakukan sumbang sekadim ini:

Hidup tak terpelihara,
Mati tak ditanam,
Harta diambil,
Tuan dibunuhan

Perkahwinan eksogami digalakkan kerana beberapa sebab, iaitu:

1. Ia mengekalkan dan melanjutkan hubungan dalam suku sebagai hubungan persaudaraan, bukan hubungan suami isteri yang berasaskan hawa nafsu.
2. Perkahwinan eksogami juga mengeratkan hubungan antara suku.
3. Eksogami dapat mengawal kelakuan sumbang. Anak-anak muda dari sesuatu suku tidak berani mengusik anak-anak gadis dari suku lain.

Walaupun secara umumnya masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih melarang perkahwinan sesama suku, namun di Rembau sendiri ada suku yang dibenarkan berkahwin sesama sendiri. Umpamanya suku Batu Hampar di Rembau terdiri daripada lima perut, iaitu perut Raja Mahkota, Raja Mentika, Titian Batang Nyiur, Batu Hampar Agam dan Batu Hampar Penajis. Lelaki dari perut Raja Mahkota tidak boleh berkahwin dengan perempuan dari perut Raja Mentika tetapi mereka boleh berkahwin dengan perempuan dari perut yang tiga lagi. Begitu juga perut yang tiga itu (Titian Batang Nyiur, Batu Hampar Agam dan Batu Hampar Penajis) tidak boleh berkahwin antara satu sama lain. Mereka dibenarkan berkahwin atas anggapan bahawa perut-perut ini tiada pertalian darah, atau pertalian darah yang ada terlalu nipis; tidak membawa apa-apa kesan. Berdasarkan realiti ini didapati dakwaan Parr dan Mackray bahawa perkahwinan sesuku dilarang di Rembau adalah tidak tepat.

Menurut hukum syarak perempuan yang haram dikahwini oleh seseorang lelaki adalah seperti yang dijelaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Diharamkan kamu mengahwini ibu kamu, anak-anak perempuan kamu, saudara-saudara perempuan kamu, ibu-ibu saudara kamu, anak-anak saudara kamu yang perempuan, ibu susuan kamu, saudara-saudara perempuan susuan, ibu isteri-isteri kamu (mertua) kamu, anak-anak isteri kamu yang dalam peliharaan kamu dari isteri yang telah kamu campuri, tetapi sekiranya kamu belum

campuri mereka (sesudah kamu menceraikan mereka) maka tidak berdosa kamu mengahwini mereka (anak-anak tiri), (dan diharamkan bagi mu) isteri-isteri anak kandung kamu (menantu) dan menghimpunkan (dalam perkahwinan) dua orang perempuan yang bersaudara kecuali yang telah terjadi pada masa lampau. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Berdasarkan ayat ini, perempuan yang haram dikahwini oleh seseorang lelaki Muslim dapat digolongkan kepada tiga golongan; iaitu perempuan-perempuan yang diharamkan kerana ada hubungan nasab, perempuan-perempuan yang diharamkan kerana susuan dan perempuan yang diharamkan kerana persemedaan. Pengharaman kerana persemedaan pula boleh dibahagikan kepada dua iaitu yang haram dikahwini selama-lamanya dan yang haram sementara. Nampaknya peraturan Adat Perpatih yang melarang perkahwinan kerana persamaan suku tidak wujud dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Mas Kahwin (Mahar)

Mahar atau mas kahwin pada dasarnya ialah pemberian wajib oleh lelaki kepada perempuan kerana akad perkahwinan sama ada dalam bentuk wang, harta, barang atau perkhidmatan. Parr dan Mackray, mendakwa perkahwinan dalam Adat Perpatih bukan semata-mata akad atau kontrak di antara dua individu iaitu suami dan isteri tetapi ia lebih merupakan sebuah institusi yang memberi keutamaan kepada kepentingan suku.

Menurut Parr dan Mackray, pembayaran perkahwinan (mengisi adat) dalam amalan Adat Perpatih sama ada menepati ajaran Islam atau tidak, terbahagi kepada dua, iaitu mas kahwin (dikenali sebagai adat kahwin) bagi perkahwinan lazim (biasa) dan pembayaran mengisi adat “salah-salahan” (denda) bagi perkahwinan tak lazim (luar biasa). Perkahwinan tak lazim terdiri daripada “nikah terkurung”, “menyerah” dan “merumah”.

Sebelum seseorang lelaki diterima menjadi orang semenda, ia dikehendaki “mengisi adat”. Hal ini merupakan pengesahan yang ia boleh dan sanggup menyumbang wang bagi kebaikan bakal isteri dan suku bakal isteri. Kalau lembaga percaya dan berpendapat lelaki tersebut tidak mampu berbuat demikian, Lembaga akan menolak lamarannya. Tindakan ini dengan sendirinya dapat menyingkirkan lelaki yang berhutang dan banyak tanggungjawab (mungkin kerana ramai anak atau ramai isteri).

Bagi perkahwinan tak lazim bayaran mengisi adat “salah-salahan” dilakukan oleh lembaga si lelaki kepada lembaga si perempuan. Jenis dan kadar bayaran berbeza mengikut suku. Pada masa dahulu pembayaran

dibuat dengan kain. Kain-kain itu dibahagikan antara sekedim (adik beradik kandung) perempuan dengan lembaga. Lembaga pula perlu membahagikan bahagiannya dengan buapak. Buapak berbahagi pula dengan besar. Namun sekarang ini pembayaran dibuat dengan wang sahaja.

Lelaki yang melakukan nikah tak lazim dari jenis “menyerah” perlu membayar adat kahwin disertai dengan adat menyerah yang disebut juga sebagai “bunga pinang” iaitu kain sepersalinan dan “kain cincin”. Sekarang adat menyerah hanya dalam bentuk wang. Adat “menyerah” biasanya mahal harganya. Perbilangan adat berbunyi: “Orang menyerah tanda kaya”.

Menurut peraturan Adat Perpatih perempuan yang mewarisi tanah pusaka dan perempuan juga memegang tampuk ekonomi. Perempuan yang memegang tanah pusaka hendaklah menunaikan beberapa tanggungjawab kepada lelaki sekedimnya termasuk menunaikan hutang pusaka. Bayaran mengisi adat nikah kahwin atau denda-denda yang berhubung perkahwinan, mengadakan persalinan dan hadiah serta bayaran mengisi adat “salah-salahan” kepada Lembaga adalah tergolong dalam hutang pusaka yang diuruskan oleh orang perempuan.

Hukum syarak menetapkan lelaki sebagai ketua keluarga yang menafkahi keluarga dan memegang tampuk ekonomi bukan kaum perempuan. Firman Allah SWT:

(الرِّجَالُ قَوْمٌ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بِعَضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ)

Maksudnya:

Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh sebab Allah telah melebihikan (orang-orang lelaki dengan beberapa keistimewaan) atas orang perempuan, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka.

Pembayaran mengisi adat “salah-salahan” ini menyalahi ketetapan syarak jika dibayar sebagai ganti mas kahwin kerana ia dibayar kepada pemimpin suku bukan kepada isteri sedangkan dalam Islam mas kahwin dalam semua keadaan adalah milik penuh isteri dan tidak boleh dikongsi oleh sesiapa kecuali dengan kerelaan isteri. Pernyataan ini terkandung dalam firman Allah SWT:

(وَأَنَّ الْأَنْصَارَ صَدَقَاتُهُنَّ نَكْلٌ فَإِنْ طَيَّبْنَا لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِّنْهُ نَهْشَأْنَاهُ هَذِهِنَا مَرِيشَانَا)

Maksudnya:

Dan berilah kepada perempuan itu mas kahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan sesuka hati memberikan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat lagi baik kesudahannya.

Pemilikan Harta dalam Perkahwinan

Menurut Parr dan Mackray, pada kebiasaan suku suami tidak mendapat apa-apa faedah atau keuntungan daripada sesebuah perkahwinan, sebaliknya faedah dan manfaat tersebut dinikmati oleh suku isteri. Apakah dakwaan ini benar? Bagi mengesahkan kenyataan tersebut, perlu difahami tentang pembahagian harta dalam Adat Perpatih yang boleh digolongkan kepada empat jenis iaitu harta pusaka, harta pembawa, harta dapatan dan harta carian atau suarang.

Harta pusaka. Harta pusaka pula terbahagi kepada dua jenis iaitu Pesaka Benar dan Pesaka Sendiri. Harta Pesaka Benar terdiri daripada tanah-tanah sawah, dusun, ladang dan rumah yang diwariskan turun temurun kepada anak perempuan sahaja. Harta Pesaka Sendiri pula (dikenali juga sebagai Pesaka Pakaian Diri Sendiri) ialah semua jenis harta yang diwarisi oleh anak-anak daripada ibu bapanya.

Harta pembawa. Harta pembawa ialah harta yang dimiliki oleh lelaki semasa berkahwin yang terdiri daripada:

- a) Harta carian bujang, iaitu harta hasil titik peluh anggota lelaki sesuatu suku. Apabila ia mati harta carian bujang ini kembali kepada ibu atau sukunya.
- b) Harta yang dihadiahkan oleh ibu bapa kepada anak lelaki. Harta ini akan dipulangkan kepada warisnya apabila lelaki tersebut mati atau berkahwin.
- c) Harta yang dihadiahkan oleh keluarga kepada anggota lelaki sewaktu berkahwin.

Segala harta pembawa perlu diisyiharkan kepada suku isteri sewaktu perkahwinan. Jika isteri meninggal terlebih dahulu, maka permohonan untuk pemulangannya hendaklah dibuat semasa kenduri “meratus hari”. Pada waktu ini juga suami dijemput pulang ke tempat suku asalnya oleh keluarganya kerana hubungannya dengan suku isteri terputus dengan kematian isteri dan dia tidak berhak lagi tinggal di tempat

suku isterinya. Jelas dakwaan Parr dan Mackray bahawa harta pembawa (carian bujang) suami berpindah kepada suku isteri adalah tidak benar.

Harta dapatan, iaitu harta kepunyaan perempuan. Terdiri daripada harta pusaka yang diwarisi sewaktu berkahwin, harta carian bujang (harta yang diperoleh hasil titik peluhnya semasa gadis), carian janda (yang diperoleh sewaktu ia menjadi janda dan bahagian yang diperoleh daripada harta carian laki bini sewaktu bercerai). Bila si perempuan meninggal, harta dapatan jatuh kepada anak perempuan.

Harta carian atau suarang. Harta carian ialah harta carian laki bini, sekarang ia dikenali sebagai harta sepencarian. Terdiri daripada harta yang diperoleh sepanjang perkahwinan, juga termasuk tokok tambah terhadap harta pembawa sewaktu berkahwin.

Pembahagian harta carian laki bini adalah seperti berikut:

- a) Jika suami atau isteri meninggal tanpa meninggalkan keturunan, maka harta carian dibahagikan antara pasangan yang hidup dengan keluarga si mati.
- b) Jika suami yang meninggal harta carian diberikan kepada isteri dan akan dibahagikan kepada anak-anak peremuannya apabila dia meninggal. Jika isteri yang meninggal, harta carian akan berpindah kepada anak-anak perempuan.
- c) Jika pasangan suami isteri bercerai hidup, maka harta carian dibahagi-bahagikan antara mereka berdua. Pembahagian dibuat sebelum atau semasa lafadz talak dijatuhkan dan dilakukan di hadapan Buapak atau Lembaga. Sekiranya suami menjatuhkan talak tanpa menuntut bahagiannya, maka hilanglah haknya terhadap bahagiannya.

Jika perkahwinan mereka menghasilkan anak, harta carian laki bini tidak dibahagikan, sebaliknya ditinggalkan semua kepada isteri untuk membesarakan anak. Dalam amalan Adat Perpatih apabila berlaku perceraian, anak tetap tinggal dengan isteri. Oleh itu Adat berkuasa menahan bahagian suami kerana anak. Si suami keluar dari rumah isteri dan kembali kepada sukunya dengan pakaianya sahaja (sehelai sepinggang).

Perbilangan Adat berbunyi:

Pembawa kembali,
Dapatkan Tinggal,
Carian bahagi,
Mati laki tinggal ke bini,
Mati bini tinggal ke laki.

Jelasnya, sistem pemilikan dan perwarisan harta dalam Adat Perpatih menyimpang daripada syariat Islam. Dalam Islam, harta pusaka dibahagikan antara ahli waris mengikut bahagian masing-masing seperti yang diperincikan dalam firman Allah SWT yang berbunyi:

{بِوَصِيْكُمُ اللّٰهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّدُورِ مِثْلَ حَظِّ الْأَشْتَرِينَ فَإِنْ عُنِّ تِسْاعُ فُوقُ الشَّتَّارِ فَلَهُنَّ ثَلَاثَةً
مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ وَلَا يُوَرِّيهُ بَلْ كُلُّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ
كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَرَثَةً أَبْوَاهُ فَلِأَمْهَمِ الْأَنْتَهَى}

Maksudnya:

Allah mensyariatkan kepadamu (tentang pembahagian pusaka) untuk anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai dua bahagian anak perempuan, jika lebih daripada dua orang anak perempuan mereka mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan. Jika yang perempuan itu seorang sahaja, maka dia mendapat separuh dari harta pusaka. Dan untuk dua ibu bapa setiap seorang mendapat satu perenam dari harta yang ditinggalkan jika si mati mempunyai anak, tetapi jika si mati tidak mempunyai anak dan dia diwarisi oleh ibu bapanya sahaja, maka ibunya mendapat satu pertiga...

Apabila suami atau isteri meninggal, maka pasangan yang masih hidup juga berhak mewarisi hartanya. Firman Allah yang berbunyi:

{وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الرُّبْعُ مَا
تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوَصِّيَنَّ بِهَا أَوْ دِينٍ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مَا مَا تَرَكَتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ
فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّلُثُ مَا مَا تَرَكَتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوَصِّيَنَّ بِهَا أَوْ دِينٍ}

Maksudnya:

Dan bagimu (suami) satu perdua daripada harta-harta yang ditinggalkan oleh isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak, tetapi sekiranya mereka mempunyai anak, maka kamu mendapat satu perempat dari harta yang ditinggalkannya sesudah dipenuhi wasiat yang mereka buat atau sesudah dibayar hutangnya. Para isteri mendapat satu perempat dari harta yang ditinggalkan jika kamu tidak mempunyai anak, jika kamu mempunyai anak, mereka (isteri) mendapat satu perlapan dari harta yang kamu tinggalkan sesudah dipenuhi wasiat yang kamu buat dan sesudah dibayar hutangmu.

Tegasnya dalam sistem perwarisan Islam, harta pusaka dibahagikan kepada semua ahli waris yang berhak mengikut bahagian masing-masing seperti yang ditetapkan oleh syarak. Pembahagian juga boleh dilakukan mengikut persetujuan ahli waris, dengan syarat semua ahli waris bersetuju. Ahli waris tidak boleh dipaksa bersetuju dengan cara pembahagian yang berbeza dengan yang ditetapkan dalam sistem faraid. Jika ada yang enggan bersetuju, pembahagian perlu mengikut ketetapan syarak. Dalam Adat Perpatih, setiap anggota suku dikehendaki menerima secara rela atau terpaksa peraturan suku dalam semua perkara terutama dalam soal kekeluargaan dan perwarisan.

Poligami

Poligami adalah diharuskan oleh Islam berdasarkan firman Allah SWT:

وَإِنْ خِفْتُمُ الْأَنْفَسِطُوا فِي الْبَيْتِمِ فَلَا يُكْحُوا مَا طَلَبَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مُنْتَهٍ وَثُلَاثٌ

وَرْبَعٌ

Maksudnya:

Dan jika kamu takut tidak dapat berlaku adil terhadap perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah (dengan) sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (yang lain) dua, tiga dan empat.

Ayat ini menjelaskan bahawa seseorang lelaki boleh berpoligami dengan mana-mana perempuan yang disukai yang tidak tergolong sebagai perempuan-perempuan yang haram dikahwini. Mengahwini dua orang adik-beradik perempuan seorang perempuan dengan ibu saudaranya pada masa yang sama adalah dilarang. Firman Allah SWT:

وَأَنْ تَبْخُسُوا بَيْنَ الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ مَنْ كُفُورٌ

Maksudnya:

Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik (untuk menjadi isteri kamu) kecuali yang telah berlaku pada masa lalu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Kaum lelaki yang mengamalkan Adat Perpatih tidak dibenarkan mengahwini dua orang perempuan yang sama suku kerana perkahwinan demikian dikira memadukan dua orang perempuan adik-beradik. Jika hendak berpoligami juga hendaklah mengahwini perempuan-perempuan dari suku lain. Islam membenarkan berkahwin sehingga empat orang. Dalam Adat Perpatih jika seseorang berkahwin empat (jika ada), bermakna dia menjadi orang semenda empat buah suku yang berbeza.

Keadaan ini tentulah menyukarkan kerana setiap suku mempunyai kepentingan berbeza. Tambahan pula susah bagi sesuatu suku menerima sebagai orang semenda dalam sukunya seorang lelaki yang telah menjadi orang semenda suku lain. Selain itu juga antara setiap suku, terdapat etika-etika yang perlu dipatuhi. Salah satu daripadanya ialah “tidak mahu mengecilkan hati” suku lain dengan “rebut merebut” orang semenda.

Pada masa dahulu seseorang yang diizinkan berkahwin dua mesti membayar sebahara emas kepada Undang atau Penghulu isteri kedua. Hakikatnya tidak ramai yang mampu membayarnya. Justeru itu, hanya orang kaya dan berada sahaja boleh berpoligami. Sejarah membuktikan kenyataan ini kerana pada tahun 1898, dicatatkan hanya 3 orang sahaja yang mempunyai isteri lebih seorang. Lebih menyukarkan lagi amalan poligami ialah isteri pertama boleh menuntut haknya mengikut adat. Caranya ialah pergi ke rumah isteri muda dengan membawa sebilah pisau atau keris terhunus dan sambil berdiri di tangga berteriak menuntut bayaran daripada isteri muda atau memulangkan semula suaminya kepadanya. Jika madunya sanggup menjelaskan tuntutannya itu, barulah isteri muda berhak kepada lelaki sebagai suaminya. Perbuatan ini dinamakan “beli suami”. Ia jarang berlaku, tetapi dibenarkan oleh Adat. Parr dan Mackray berpendapat, memandangkan kesukaran-kesukaran ini, maka seolah-olah hanya perkahwinan monogami sahaja dibenarkan oleh Adat. Hal ini tidak syak lagi bertentangan dengan ajaran Islam.

Rumusan

Melalui penulisan Parr dan Mackray, dapat disimpulkan bahawa perbincangan secara perbandingan mengenai lima perkara yang diutarakan dalam artikel ini, iaitu perwalian, mas kahwin, perempuan-perempuan yang haram dikahwini, pemilikan harta dan poligami, tidak dibincangkan secara saksama atau adil. Hal ini kerana mereka lebih menekankan aspek Adat, manakala perbincangan tentang hukum syarak mengenai perkara-perkara tersebut terlalu sedikit dan ringkas. Gambaran yang dilakar oleh Parr dan Mackray mengenai perkahwinan di Rembau ini lebih menjurus kepada perkahwinan adat, bukannya adat dalam perkahwinan. Dengan ini, beliau hanya menjurus kepada soal-soal pokok dalam akad perkahwinan itu sendiri. Tulisan mereka berdasarkan penelitian dan dipadankan undang-undang perkahwinan dalam Islam. Namun demikian, tidak semua yang digambarkan itu adalah benar bahawa ianya tidak selari dengan Islam. Ini tidak dinafikan kerana mereka bukannya pakar dengan syariat Islam.

Penulis juga mendapati Parr dan Mackray benar dari beberapa aspek dan tersilap dalam beberapa aspek. Dakwaan mereka mendakwa wali nasab dalam Islam terbatas kepada bapa dan datuk sahaja adalah salah kerana di Rembau dan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu secara umumnya, perwalian tidak terbatas kepada bapa dan datuk sahaja. Adik-beradik lelaki dan bapa saudara (sebelah bapa) juga termasuk dalam senarai wali. Namun, mereka benar dalam menyatakan bahawa dalam praktis yang berlaku di Rembau, bapa saudara kebiasaannya dinafikan hak menjadi wali. Mereka adalah tepat dalam masalah ini. Begitu juga mereka, tidak tepat mengenai peraturan Adat Perpatih yang melarang perkahwinan sesama suku tidak wujud dan bertentangan dengan ajaran Islam. Namun pendapat mereka benar, mengenai pembayaran mengisi adat “salah-salahan” ini menyalahi ketetapan syarak jika dibayar sebagai ganti mas kahwin, kerana ia dibayar kepada pemimpin suku bukan kepada isteri. Mereka juga benar apabila menyatakan Adat Pepatih seolah-olah membenarkan perkahwinan monogami sahaja, berdasarkan beberapa peraturan dan halangan yang terpaksa ditempuh untuk berpoligami. Ini tidak syak lagi bertentangan dengan ajaran Islam.

Seterusnya, Parr dan Mackray berpendapat, dalam Adat Perpatih setiap anggota suku dikehendaki menerima secara rela atau terpaksa peraturan suku dalam semua perkara terutama dalam soal kekeluargaan dan perwarisan. Namun demikian, ini bukannya muktamad kerana dewasa ini kebanyakan undang-undang dan peraturan negara sentiasa dikaji semula, diubah suai dan dipinda untuk memberi keadilan kepada rakyat. Begitu juga dengan Adat Perpatih yang telah digubal beratus tahun dulu tentunya sudah banyak dipinda untuk menyesuaikan dengan peredaran zaman terutamanya apabila orang Minangkabau telah memeluk agama Islam, kebanyakan peraturan dan amalan adat telah cuba disesuaikan dengan ajaran Islam supaya ia tidak bertentangan dengan agama. Usaha mengubah suai Adat Perpatih ternyata seperti dalam perbilangan: *Adat Bersendikan Hukum, Hukum*. Namun demikian, tidak dinafikan perbezaan antara Islam dan sistem adat memang ada.

Rujukan

- Abas Hj. Ali. 1953. *Rembau: Sejarah Perlembagaan Adat dan Istiadatnya*. Johor: Pejabat Cetak Kerajaan Johor.
- Abdul Rahman Hj. Muhammad. 1964. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Abdullah Siddik. 1975. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Akhbar Harian *Kosmo* (7 Januari 2009).
- al-Nawawi, Abu Zakariya dan Yahya Sharf. 1985. *Raudah al-Talibin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Quran al-Karim*.
- al-Tirmidhi, Muhammad ibn 'Isa. t.th. *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Turmudhi*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Azima Abdul Manaf. 2009. Masalah dan cabaran tanah adat Minang di dunia Melayu Malaysia dan Indonesia. *GEOGRAFIA Online: Malaysian Journal of Society and Space*. 5: 69-78.
- Hj. Kamarudin Hj. Kachar (Kolonel Profesor Dato' Dr.). 2010. Keindahan dan Kesesuaian Amalan Adat Perpatih Zaman ke Zaman, Kertas dibentangkan dalam *Seminar Perlaksanaan Amalan Adat Perpatih di Teateret Pejabat Kerajaan Negeri Sembilan*. Seremban, pada 26 Januari 2010, Anjuran: Sekretariat Pertubuhan Adat Perpatih Negeri Sembilan.
- Hooker M.B. 1971. *Adat Laws in Modern Malay*. London: Oxford University. <http://www.cikgusejarah.com/koleksisoalan/stpm/trialsej22007.doc>.
- Jelani Harun. 2008. *Kajian Naskhah Undang-undang Adat Melayu di London*. Sari 26.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Parr, C.W.C. dan Mackray, W.H. 1910. Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs. *JSBRAS* 56: 1-57.
- Parr, C.W.C. dan Mackray. W.H. 1910. A Note on the Conflict between the rules of Custom and Those of Islam.
- Salleh Huddin Abd. Rauf. 1999. Sistem Adat Perpatih: Kajian dari segi kedudukan dan Peranannya di Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

